

17 JUL 1996

STRATEGI KOMUNIKASI YANG CACAT PENYEBAB KEGENDALAAN BAKUN, KATA DEKAN

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Kekurangan usaha bersama oleh Ekran Bhd untuk merangkum secara ringkas wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pentingnya projek empangan hidro-elektrik Bakun kepada negara mengelakkan kefahaman menyeluruh rakyat mengenai apa yang boleh ditawarkannya.

Dekan Kajian Perhubungan Awam Institut Teknologi MARA, Prof Madya Dr Baharuddin Aziz berkata Ekran sepatutnya telah mengambil inisiatif dan langkah yang penting menggunakan satu strategi komunikasi yang terbaik sebelum memulakan kerja luar.

"Tidak guna cuma ada acara-acara seperti memecah tanah empangan Bakun dan diheboh-hebohkan melalui media tempatan, dan mengharapakan rakyat faham alasan-alasannya," beliau menambah.

Dalam hal ini, media tempatan juga turut dipersalahkan terhadap kegendalaan pelaksanaan projek itu, beliau memberitahu Bernama di sini hari ini.

Katanya: "Apa yang mungkin berpotensi menjadi kebanggaan negara, pembekal pekerjaan terpenting dan tarikan pelancong, kini menjadi kes mahkamah, cercaan yang tidak adil dan bahan apa yang kelihatan seolah-olah pemeriksaan awam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Saya bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa manfaat Bakun mengatasi bebanannya. Saya tidak fikir orang akan begitu hirau mengenai kerosakan alam sekitar jika universiti terbesar di dunia dan bukan empangan terbesar hendak didirikan di atas tanah Bakun."

Inilah sebabnya kenapa Ekran patut mengambil langkah yang halus memajukan satu strategi langkah demi langkah untuk memberitahu rakyat dan menjelaskan kepada mereka kenapa tenaga diperlukan, kata Dr Baharuddin.

"Sebaliknya, Ekran memilih untuk mengabui pandangan kita," rungut beliau.

Ekran adalah pemaju empangan Bakun berharga RM13.6 bilion yang akan mempunyai pengeluaran 1,770 MW apabila ia memulakan operasi sepenuhnya pada tahun 2003. Tenaga Nasional Bhd telah bersetuju membeli 1,600 MW untuk hantaran melalui kabel dasar laut ke Semenanjung Malaysia.

Dr Baharuddin berkata meninjau ke belakang "status daya pemerhatian" faedah-faedah yang akan diperolehi daripada projek itu adalah rendah.

Tambahnya: "Anda boleh mempunyai tenaga kejuruteraan terbaik di dunia bekerja untuk projek Bakun, tetapi jika ia kekurangan pengurusan komunikasi yang betul dan tafsiran mengenai faedah-faedahnya kepada rakyat, maka perkara-perkara tidak diduga dan malang pasti berlaku.

"Projek sebesar ini dan tarikan perhatian dari seluruh dunia seharusnya mempunyai strategi pengurusan yang setimpal yang akan dapat menahan atau sekurang-kurangnya membalikkan semula cercaan atau kritik yang dilemparkan kepadanya."

Beliau berkata banyak orang berpendapat bahawa masalah yang telah muncul seolah-olah diwujudkan daripada tuduhan kononnya rakan-rakan tertentu Dr Mahathir adalah penerima faedah projek itu.

Ekran seharusnya, sejak dari awal-awal lagi, telah menjangka bahawa tuduhan seumpama itu akan muncul, katanya.

Beliau menambah kata: "Malangnya, ini tidak berlaku. Bakun patut menjadi peringatan kepada sesiapa juga (rakan-rakan PM atau bukan) yang mahu melaksanakan projek raksasa di negara ini. Seseengah rakyat Malaysia mungkin masih menggunakan buluh sumpitan tatapi, pada amnya, mereka lebih

bijak sekarang.

"Mereka mempunyai sumber maklumat lain seperti Internet dan e-mel dan mereka banyak menghantar faks. Jadi, janganlah ada sesiapa yang sewenang-wenangnya memperbodohkan semua rakyat Malaysia selama-lamanya." --

BERNAMA

YY OS MA